

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang Akademik 1997/98

Februari 1998

HSK 302 Teori dan Kaedah Sejarah

Masa : [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI SEMBILAN [9] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab **SEMUA** soalan di dalam Bahagian A dan **DUA** [2] soalan di dalam Bahagian B.

Bahagian A - [40%]. Setiap soalan bernilai 10%.

1. Dapatkah kajian sejarah menghasilkan penemuan yang boleh dibuktikan sebagai benar?
2. Benarkah kajian sejarah melibatkan lebih banyak unsur pilihan daripada bidang lain?
3. Sejauh manakah anda bersetuju bahawa kadar objektiviti dalam bidang sejarah adalah lebih rendah daripada bidang sains-sains semulajadi?
4. Setujukah anda bahawa proses penulisan semula akan berterusan dalam sejarah kerana "sejarah adalah pemikiran sezaman mengenai masa lampau"?

Bahagian B - [60%]. Setiap soalan bernilai 30%.

5. Nilaikan sejauh manakah SAMA ADA Thucydides ATAU Ssu-ma Ch'ien telah berjaya melampau batasan pemikiran sezaman dan menjadikan kajian sejarah lebih bersifat ilmiah dan mantap.
6. "Teori Marx telah berperanan sebagai pengaruh utama dalam memodenkan penulisan sejarah." (E.J. Hobsbawm). Bincangkan.
7. Bersetujukah anda dengan pandangan Ibn Khaldun bahawa kajian sejarah yang tidak mencakupi kajian masyarakat manusia tidak akan membawa kepada pengetahuan yang kukuh?

8. Setujukah anda bahawa keistimewaan bidang sejarah telah hilang apabila kaedah kajian aliran Annales melenyapkan penghuni lama (seperti raja-raja dan tokoh-tokoh) dari pentas sejarah dan menggantikan tema lama (seperti pembentukan bangsa-negara dan rebutan kuasa) dengan tema baru dari demografi, ekonomi dan sosiologi?
9. Konsep sejarah sebagai gambaran masa lampau “sepertimana ia benar-benar berlaku” seperti yang dipegang oleh Ranke dan konsep Sejarah Asia Tenggara yang bersifat autonomi seperti yang diutarakan oleh Smail sama dari segi mengkehendaki ahli sejarah berdiri teguh atas landasan sifat berkecuali yang tidak digangui oleh emosi, berat sebelah atau prasangka. Akan tetapi kekecualian sedemikian adalah mustahil.

Bincangkan dengan rujukan kepada SALAH SATU daripada dua pandangan yang tersebut di atas.

--oo000oo--